UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2015/2016

Mei/Jun 2016

# JFW 364 – Analisis Penyata Kewangan

Masa : 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan.

Markah bagi setiap soalan adalah seperti yang tercatat.

**SOALAN 1 [60 markah]**

Diberi maklumat kewangan firma A dan firma B seperti berikut:

| | Firma A | Firma B |
|---|---|---|
| Pulangan atas aset | 0.16 | 0.06 |
| Margin untung bersih | 0.13 | 0.04 |
| Pusing ganti Akaun Belum Terima | 13.00 | 13.50 |
| Pusing ganti Aset Bukan Semasa | 4.85 | 3.50 |
| Pulangan atas saham biasa | 0.34 | 0.05 |
| Nisbah semasa | 1.13 | 0.85 |
| Pusing ganti inventori | 4.50 | 18.50 |
| Nisbah hutang jangka panjang berbanding ekuiti | 0.25 | 1.50 |
| Margin untung kasar | 0.5 | 0.4 |
| Nisbah Ujian asid | 0.65 | 0.55 |
| Pusing ganti aset | 1.20 | 0.85 |

Berdasarkan maklumat di atas, sediakan analisis perbandingan antara firma A dan firma B dalam aspek berikut:

(a) kecairan jangka pendek (15 markah)

(b) struktur modal dan kebolehselesaian (15 markah)

(c) penggunaan aset (15 markah)

(d) keuntungan (15 markah)

**SOALAN 2 [20 markah]**

Pengiktirafan hasil memberi kesan terhadap pengukuran pendapatan.

(a) Senaraikan ENAM (6) kriteria pengiktirafan hasil. (12 markah)

(b) Bagaimanakah hasil diiktiraf dalam perniagaan berikut:

(i) perniagaan mempunyai hak untuk memulangkan barang niaga (4 markah)

(ii) perniagaan francais (4 markah)

**SOALAN 3 [20 markah]**

(a) Berikan definisi pendapatan komprehensif.

(4 markah)

(b) Senaraikan item-item dalam pengiraan pendapatan komprehensif.

(4 markah)

(c) Jelaskan kepentingan maklumat pendapatan komprehensif kepada penganalisa
(d) penyata kewangan.

(12 makah)

- oooOooo -